

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah salah satu peneraju universiti swasta di Malaysia yang beroperasi di Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), Muadzam Shah, Pahang. UNITEN komited dalam menawarkan program akademik dan program latihan professional yang berkualiti tinggi.



The Energy University

Seiring dengan perkembangan UNITEN, kami ingin mempelawa calon-calon yang berkeelayakan, bermotivasi tinggi dan dinamik untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan :-

PENYELIA PENGINAPAN

Syarat Kelayakan :

- Warganegara Malaysia.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan setaraf, dengan sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup permohonan.
- Sihat tubuh badan serta tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal atau mental yang boleh menjejaskan pelaksanaan tugas.
- Mempunyai tahap disiplin, integriti dan rasa tanggungjawab yang tinggi.
- Berkebolehan berkomunikasi dengan baik serta berhemah dalam menjalankan tugas.
- Tidak mempunyai rekod jenayah dan berkelakuan baik.
- Bersedia untuk bekerja mengikut syif, di luar waktu pejabat, pada hujung minggu dan cuti umum sekiranya diperlukan.
- Mempunyai kemahiran dalam perkhidmatan pelanggan.
- Pengalaman kerja antara 1 hingga 3 tahun dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Tanggungjawab:

- Mengurus operasi harian residensi termasuk urusan *check-in* dan *check-out* pelajar serta penyewaan luar.
- Mengendalikan penempatan pelajar serta menerima dan memantau aduan kerosakan.
- Membantu pelajar dalam urusan penginapan dan kebajikan asas.
- Menyediakan dan memastikan bilik/residensi dalam keadaan baik untuk tempahan penginapan.
- Memastikan kebersihan, keselamatan dan keadaan fasiliti sentiasa terjaga.
- Berhubung dengan pihak berkaitan seperti penyelenggaraan dan keselamatan bagi kerja pembaikan.
- Mengurus rekod asas penginapan dan komunikasi dengan pelajar.
- Membantu dalam situasi kecemasan dan memastikan peraturan residensi dipatuhi.

Penempatan :

- **KAMPUS PUTRAJAYA**
- Universiti Tenaga Nasional,
Jalan IKRAM-UNITEN,
43000 Kajang, Selangor.

Tempoh iklan :

09 April 2026 sehingga 20 April 2026

Cara memohon :

- Permohonan hendaklah disertakan dengan Borang – UNITEN 188C, Resume/CV, salinan-salinan sijil akademik, salinan sijil latihan dan penglibatan serta dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan. Permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui e-mail ke hr@uniten.edu.my :

**PENGARAH
PEOPLE EXPERIENCE DEPARTMENT
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
JALAN IKRAM-UNITEN, 43000 KAJANG, SELANGOR
E-mel : hr@uniten.edu.my**

- Borang – UNITEN 188C boleh didapati di <https://www.uniten.edu.my/about/job-opportunities/>

Dengan mengemukakan permohonan, anda telah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan/atau UNITEN R&D Sdn. Bhd. (URND) untuk mengumpul, memproses, merekod, menyimpan dan/atau mendedahkan data peribadi dan data peribadi sensitif selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada People Experience Department (PXD), UNITEN sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh tutup iklan. Permohonan yang tidak lengkap serta yang diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan diproses.

Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh 60 hari dari tarikh iklan ditutup, tuan/puan adalah tidak disenarai pendek untuk jawatan yang dipohon. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

Creative, Innovative & Energetic

"UNITEN MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"

